

Rundingan perdamaian pengaruhi intensiti serangan selatan Thailand

Dr Che Mohd Aziz Yaacob

Soalan (S): Bagi rakyat Malaysia sudah lama tidak mengikuti konflik selatan Thailand, apakah sebenarnya berlaku dalam siri serangan terbaharu dan sejauh mana luar biasa skalanya?

Jawapan (J): Konflik di tiga wilayah selatan Thailand kembali tercetus dan menyaksikan siri keganasan bermula pada 4 Januari 2004, apabila sebuah kem tentera di Cho Airon, wilayah Narathiwat, diserang kumpulan tidak dikenali sehingga menyebabkan ratusan senjata api berjaya dirampas. Konflik masih berterusan, namun intensiti serangan atau keganasan turun naik, bergantung perkembangan proses perdamaian dan rundingan dilaksanakan. Beberapa siri dialog dan rundingan damai antara kerajaan Thailand dengan kumpulan pejuang difasilitasi kerajaan Malaysia berkemungkinan menyumbang kepada penurunan intensiti konflik pada tempoh tertentu.

Bagaimanapun, pengurangan tahap keganasan tidak semestinya menunjukkan konflik berakhir atau punca

Siri serangan terbaharu di selatan Thailand kembali mencetuskan kebimbangan terhadap keselamatan wilayah berkenaan yang konfliknya tidak pernah benar-benar reda. Persoalan kini tertumpu kepada pihak di sebalik serangan, masa depan rundingan damai difasilitasi Malaysia dan tahap keselamatan rakyat negara ini yang mahu berkunjung ke sana. Wartawan BH mewawancara Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS) dan Felo Research Institute for Indonesia, Thailand and Singapore (UUM-ITS), Prof Madya Dr Che Mohd Aziz Yaacob dan bekas pensyarah sains politik, Universiti Walailak, Thailand, Abdul Razak Panaemalae.

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

tidak pernah reda?

J: Konflik pada masa kini adalah kesinambungan dan tidak tercetus semula tiba-tiba. Keadaan itu mungkin disebabkan terdapat kelompok tertentu tidak bersetuju atau menginginkan proses perdamaian sudah dilaksanakan sebelum ini. Selain itu, terdapat kemungkinan proses perdamaian sedia ada masih lemah dan perlu ditambah baik bagi memastikan ia lebih inklusif, berkesan dan mampu menangani akar permasalahan konflik.

Serangan juga boleh ditafsirkan sebagai mesej kepada masyarakat dunia, khususnya wilayah bergolak yang memerlukan perhatian lebih serius daripada komuniti serantau dan antarabangsa.

“Konflik pada masa kini adalah kesinambungan dan tidak tercetus semula tiba-tiba. Keadaan itu mungkin disebabkan terdapat kelompok tertentu tidak bersetuju atau menginginkan proses perdamaian sudah dilaksanakan sebelum ini”



asasnya berjaya diselesaikan. Sebaliknya, situasi semasa menunjukkan konflik berkenaan memasuki dinamika berbeza, dengan tahap keganasan lebih rendah tetapi masih berlaku secara berkala.

S: Adakah konflik ini benar-benar tercetus semula atau sebenarnya

Perhatian itu penting bukan hanya dari aspek keselamatan, tetapi bagi membantu pihak berkepentingan menangani isu politik, sosial dan ekonomi yang serangan berkenaan juga adalah satu bentuk komunikasi politik atau simbolik apabila saluran komunikasi aman dan terbuka tidak berfungsi dengan berkesan.

S: Tiada pihak mengaku bertanggungjawab setakat ini. Siapakah dipercayai mendalangi serangan itu dan apakah asas dikaitkan dengan Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani (BRN)?

J: Ketidakpastian itu antara ciri kompleks dalam konflik di selatan Thailand. Pelbagai

aktor menggunakan strategi masing-masing bagi mencapai kepentingan dan matlamat tertentu. Walaupun beberapa serangan mempunyai pola dan bentuk kelihatan sistematis, identiti pelakunya tidak semestinya mudah dikenal pasti.

Dalam konteks ini, BRN tidak wajar terus dianggap bertanggungjawab terhadap setiap serangan tanpa bukti jelas. Struktur dan dinamika aktor di kawasan konflik adalah kompleks, manakala tidak semua kelompok tampil secara terbuka untuk menyatakan identiti atau kaitan dengan organisasi tertentu.

Oleh itu, kemungkinan kewujudan aktor lain mempunyai kepentingan dan mengambil kesempatan daripada konflik berkenaan tidak boleh diketepikan.

S: Siapakah aktor bersenjata utama di selatan Thailand hari ini? Adakah BRN menguasai keseluruhan gerakan atau terdapat kumpulan dan sel bersenjata lain yang bergerak secara berasingan?

J: BRN antara organisasi mempunyai nama, pengaruh dan kedudukan agak menonjol. Bagaimanapun, saya tidak begitu pasti untuk mengatakan BRN menguasai atau mewakili keseluruhan gerakan pejuang. Apa lebih wajar dikatakan, BRN antara organisasi lebih kukuh, tersusun dan berpengaruh berbanding kumpulan lain.

Saya berpandangan tidak semestinya wujud pemisahan jelas antara semua kelompok atau gerakan pejuang pada peringkat akar umbi. Walaupun terdapat kemungkinan kewujudan kelompok atau struktur berbeza, dalam situasi tertentu mereka masih mempunyai ruang untuk bersatu, berkoordinasi dan bekerjasama dalam perkara mempunyai kepentingan atau matlamat sama.

Lebih tepat untuk melihat gerakan pejuang di selatan Thailand sebagai jaringan aktor mempunyai hubungan dan tahap kerjasama berbeza, bukannya sebagai struktur tunggal sepenuhnya dikawal BRN.



Letupan berlaku di beberapa lokasi sekitar tiga wilayah di selatan Thailand, baru-baru ini. (Foto tular)

Malaysia perlu dikekalkan dalam proses damai

Dari Muka 12

Keadaan ini penting dalam memahami cabaran proses perdamaian kerana keberkesanan sesuatu rundingan bergantung bukan sahaja kepada hubungan antara kerajaan Thailand dengan BRN, tetapi mengambil kira sejauh mana kumpulan atau aktor lain dalam gerakan ber-

kenaan menerima, menyokong atau mematuhi hasil proses perdamaian dipersetujui.

S: Rundingan damai difasilitasi Malaysia bermula sejak 2013 tetapi berulang kali terhenti. Apakah yang menghalang penyelesaian dan adakah serangan terbaharu akan menutup atau membuka semula

ruang rundingan?

J: Peranan Malaysia amat penting kerana proses perdamaian bagi konflik berpanjangan memerlukan komitmen, kesabaran dan kesinambungan. Walaupun beberapa kali terganggu dan membatalkan pertukaran fasilitator, komitmen Malaysia perlu dikekalkan bagi memastikan momentum proses perdamaian

tidak terhenti.

Proses rundingan sedia ada perlu diperkasakan dengan mengambil kira pandangan dan kepakaran pelbagai pihak. Pembabit ahli akademik, penyelidik, pakar konflik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai pengalaman langsung dalam proses perdamaian boleh menyumbang dari segi analisis konflik,

pengalaman lapangan, pembinaan kepercayaan dan pendekatan penyelesaian konflik.

Setiap cabaran ialah sebahagian dinamika konflik perlu diurus lebih baik. Paling penting, memastikan terdapat kesinambungan dalam rundingan, memelihara kepercayaan antara pihak terbabit dan terus mencari bentuk penyelesaian boleh diterima bersama.

Lihat Muka 13